



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 17 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	SAMPAI BILA MALAYSIA KENA IMPORT?, DALAM NEGERI, UM -10 PULAU PINANG HILANG 5 PERATUS TANAH JELAPANG PADI, DALAM NEGERI, UM -10 KAWAL PENYUSUTAN JUMLAH SAWAH, FORUM, UM -18 BUANG DARAH AYAM, TELUR BUSUK KE SUNGAI, JOHOR/MELAKA/N9, SH -27 KOLAM KELI DIKOMPAN RM12,000, JAGA SUNGAI KITA, BH -21 SUNGAI CETEK JEJAS TANGKAPAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Perkembangan teknologi dan pengamalan ladang masih jauh ketinggalan

# Sampai bila Malaysia kena import?

## EKSKLUSIF

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Ketika negara Asia lain sudah mampu mengeksport beras, berbeza pula dengan Malaysia yang masih perlu mengimport makanan ruji itu bagi menampung keperluan penduduknya.

Beras yang dihasilkan dalam tempoh setahun pula menyaksikan Malaysia jauh terbelakang iaitu sekitar 2.2 juta tan metrik berbanding China (182 juta tan metrik), India (136 juta tan metrik), Indonesia (54 juta tan metrik), Vietnam (34 juta tan metrik), Thailand (29 juta tan metrik), Filipina (15.3 juta tan metrik) dan Korea Selatan, 6.3 tan metrik.

Malah, difahamkan, Taiwan yang sebesar Pahang dengan kawasan pertanian sekitar 30 peratus mampu menghasilkan beras bagi menampung keperluan 27 juta penduduknya tanpa perlu mengimport makanan tersebut.

Sebagai rekod, India mengeksport hampir 10 juta tan metrik beras setahun, Thailand (7.6 juta tan metrik), Vietnam (6.58 juta tan metrik), China (2.7 juta tan metrik) dan Myanmar sebanyak 2.7 juta tan metrik setahun.

Malaysia pula terpaksa mengimport lebih 1.2 juta tan metrik beras atau 30 hingga 35 peratus setahun bagi menampung keperluan penduduk di



**KETIKA** negara Asia lain sudah mampu mengeksport beras, berbeza pula dengan Malaysia yang masih perlu mengimport makanan ruji itu. Kerja-kerja menuai padi di Guar Sanji, Arau, Perlis. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

negara ini iaitu sekitar 3.6 hingga 3.8 juta tan metrik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Kilang Beras Skim Pusat Belian Melayu Kedah/Perlis, Marzuki Othman berkata, antara faktor penghasilan beras negara masih rendah berkaitan perkembangan teknologi dan pengamalan menguruskan ladang atau kawasan sawah masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara Asia lain.

Katanya, pesawah hanya mampu menghasilkan kira-kira enam hingga tujuh tan metrik padi bagi kawasan seluas satu hektar berbanding di negara-negara terbabit yang boleh

mencecah sehingga 10 tan metrik bagi keluasan sama dengan Malaysia dilihat ketinggalan hampir 40 peratus hasil.

Selain itu, katanya, kerjasama antara agensi pertanian dengan para pesawah juga dilihat masih lemah berbanding negara luar.

"Kita masih ketinggalan daripada soal teknologi khususnya apabila kaedah tradisional terus digunakan khususnya daripada soal taburan benih dan perataan tanah dengan cara membajak serta tabur terus benih yang boleh mengandungi risiko penyakit dan penghasilan padi yang merosot."

"Proses perataan tanah dan semai sepatutnya sudah meng-

gunakan jentera dan teknologi moden termasuk mempunyai kaedah laser dan sistem kedudukan sejagat (GPS) seperti negara-negara terbabit," katanya.

Menurut Marzuki, teknologi moden iaitu menggunakan jentera juga mampu menjimatkan penggunaan benih padi.

Katanya, kaedah biasa bagi satu hektar kawasan sawah menggunakan sekitar 140 kilogram benih padi, namun, kaedah semai dengan jentera boleh menjimatkan benih lebih separuh daripada jumlah itu sekali gus mampu menjimatkan benih 40,000 kilogram setahun.

"Malah, kos pengurusan la-



**MARZUKHI OTHMAN**

dang (sawah) seperti racun rumput, baja, racun serangga dan sebagainya juga dapat dikurangkan selain penghasilan padi jangka boleh meningkat 20 peratus. Kalau tanah tidak rata, boleh berlaku pembaziran air selain percambahan anak padi tidak seragam," katanya yang juga Pengerah Urusan Dibuk Sdn. Bhd.

Tambahnya, difahamkan, kaedah semai secara terus di setengah negara sudah diharamkan dan kebanyakan mereka sudah menggunakan jentera bagi tujuan itu.

"Kaedah tradisional itu boleh mengundang risiko padi angin, rumpai dan lain-lain sekali gus menyebabkan petani perlu mengeluarkan kos yang banyak bagi mengawal masalah itu. Kaedah tabur terus boleh merugikan petani kerana menggunakan benih berlebihan."

"Pemodenan dalam gusahan tanaman padi membantu mempercepatkan produktiviti padi selain pesawah memerlukan pengamalan ladang yang betul," katanya.

# Pulau Pinang hilang 5 peratus tanah jelapang padi

**GEORGETOWN:** Hanya kira-kira lima peratus atau 677 hektar kawasan jelapang padi di seluruh negeri ini ditukar kepada penggunaan tanah lain termasuk bagi tujuan pembangunan komersial sehingga kini.

Disifatkan sebagai sesuatu yang belum serius, penukaran status tanah jelapang padi itu meskipun berlaku, namun, masih mengekalkan Pulau Pinang sebagai antara pengeluar padi utama negara khususnya bagi keperluan penduduk

di negeri itu.

Menurut Pengerah Jabatan Pertanian negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim, daripada jumlah itu, pengurangan tanah jelapang padi paling besar berlaku di daerah Seberang Perai Utara (SPU) membabitkan kehilangan seluas 370 hektar daripada 8,515 hektar keluasan sebelum ini.

Katanya, tiga lagi daerah iaitu Seberang Perai Tengah (SPT); Seberang Perai Selatan (SPS) dan Barat Daya masing-masing

menyusut sebanyak 194; 98 dan 15 hektar.

"Memang ada berlaku pengurangan tanah jelapang padi di Pulau Pinang dalam tahun-tahun kebelakangan ini, namun bukan dalam skala mega atau besar dan penyusutan itu juga belum sampai ke tahap serius," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Secara keseluruhannya, Pulau Pinang memiliki seluas 12,105 hektar tanah jelapang padi di seluruh negeri itu ketika

ini berbanding 12,782 hektar sebelum aktiviti pemukiman diluluskan.

Menurut Mohd. Muhaimin, sebahagian besar daripada seluas 677 hektar tanah jelapang padi yang ditebus guna itu digunakan bagi projek perumahan, tanah lot dan tanah lapang melibatkan keluasan kira-kira 193 hektar.

Selain itu, katanya, seluas 136 hektar pula ditukar menjadi kawasan perkampungan dan rumah manakala 79 hektar lagi

dibina bangunan.

Jelas beliau, seluas 115 hektar tanah jelapang padi sebelum ini pula digantikan dengan tanaman lain termasuk tambahan seluas 84 hektar bagi projek tanaman kelapa sawit.

"Kira-kira 42 hektar pula dibangunkan dengan projek rumah burung manakala masing-masing seluas 13.6 hektar dan 14 hektar lagi diberikan bagi pembinaan infrastruktur jalan raya dan landasan berkembar kereta api," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Pembaca boleh menghantar aduan/cadangan/pendapat/gambar melalui forumutusan@mediamulia.com.my atau

019-990 0761

**Mingguan Malaysia**  
 31 JANUARI 2021  
**35,000 hektar sawah 'hilang'**  
 Covid-19 5,728 Kes baharu 16 Kluster baharu 13 Kematian  
 Kedah hilang status Negeri Jelapang Padi jika makin banyak bendang dimajukan  
 Anak Orang Asli sertai PdPR

# Kawal penyusutan jumlah sawah

## SAUDARA PENGARANG,

**LAPORAN** muka depan *Mingguan Malaysia* bertarikh 31 Januari 2021 bertajuk 35,000 hektar sawah 'hilang' adalah pendedahan yang agak mengejutkan.

Dilaporkan penyusutan itu berlaku setelah sawah di Kedah ditukar kepada kegunaan lain yang bukan berasaskan pertanian. Situasi tersebut mengakibatkan pengeluaran padi Kedah mengalami penyusutan kira-kira 350,000 tan setahun.

Perkembangan itu sudah pasti merisaukan. Tambahan pula pengeluaran padi di Malaysia masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan beras tempatan kerana produktiviti rendah dan hanya bergantung kepada subsidi.

Bagi memastikan masalah ini tidak berlarutan, kerajaan harus menggalakkan golongan muda menjadi pesawah. Cukai

tanah perlu dikurangkan bagi merendahkan kos penanaman padi.

Saya juga menyambut baik kenyataan Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nör baru-baru ini untuk melaksanakan semula dasar menghalang tanah sawah dibangunkan dengan projek perumahan dan industri.

Dalam pada itu, kerjasama baik antara kerajaan negeri dan kerajaan Pusat perlu diteruskan termasuk meminda akta untuk memastikan sawah tidak sewenang-wenangnya ditukar status dengan apa cara sekalipun.

Berikutan persekitaran global tidak menentu, satu dasar pertanian baharu yang lebih menyeluruh, konsisten, bersepadu dan sistematik perlu digubal.

**MOHD. SALLEH OSMAN**  
 Presint 16, Putrajaya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2021	SINAR HARIAN	JOHOR/ MELAKA/N9	27

# Buang darah ayam, telur busuk ke sungai

Syarikat ternak ikan keli dikompaun RM12,000

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Sebuah syarikat penternak ikan keli dikenakan kompaun RM12,000 pada Isnin susulan melepaskan sisa darah ayam dan telur busuk ke sungai tahun lalu.

Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, kompaun tersebut dikeluarkan oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka yang telah melakukan siasatan di lokasi itu susulan menerima aduan berhubung air sungai berbau busuk dan kejadian ikan mati.

Menurutnya, hasil pemeriksaan yang dijalankan bahagian penguatkuasaan BKSA mendapati air kotor dari kolam keli terbabit dilepaskan ke Sungai Baru Masjid Tanah tanpa dirawat terlebih dahulu dan perbuatan itu menyalahi undang-undang di bawah peruntukan Seksyen 39 (a) Enekmen Sumber Air (Negeri Melaka).

"Pemilik syarikat telah cuai melepaskan sisa darah ayam, telur busuk dan air dari kolam keli ke sungai dan dikenakan



Norhizam (kanan) menunjukkan salinan keratan akhbar *Sinar Harian* 10 Februari 2020 berhubung pencemaran di Sungai Baru Masjid Tanah ketika sidang akhbar di Kompleks Japerun Pengkalan Batu pada Selasa.

kompaun sebanyak RM12,000 bagi kesalahan pertama.

"Sekiranya terdapat kesalahan berulang, jumlah kompaun maksimum akan dikenakan iaitu sebanyak RM125,000 atau RM1,000 setiap hari," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di Kompleks Japerun Pengkalan Batu, Bachang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah BKSA Melaka, Faizah Abdul Rahman.

Tahun lalu *Sinar Harian* melaporkan tindakan pengusaha ikan keli yang menggunakan darah dan telur ayam busuk se-

bagai makanan ikan dalam kolam terbongkar berikutan terdapat pencemaran yang dikesan di Sungai Baru Masjid Tanah.

Kolam ternakan ikan keli tersebut dipercayai memperoleh sisa darah itu dari sebuah kilang penyembelihan ayam.

Mengulas lanjut, Norhizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu berkata, kerajaan negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang melakukan kesalahan seumpama itu terutama melibatkan keselamatan sumber air serta bekalan air untuk rakyat.

# Kolam keli dikompaun RM12,000

Kerajaan negeri bertindak tegas terhadap pihak cemari sungai, alam sekitar

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

Melaka: Kerajaan negeri meminta penternak ikan di Melaka menambil pengajaran daripada tindakan mahkamah yang dikenakan terhadap sebuah syarikat penternak ikan keli yang tidak memencemarkan sungai.

EXCO Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee, berkata ia susulan keputusan mahkamah yang menegenakan kompaun RM12,000 ke atas Kolam Keli Swee Choon Fishery Trading, Kelmarin.

Tindakan itu, katanya membulatkan ketegasan kerajaan dalam memastikikan alam sekitar sentiasa terpelihara.

Beliau berkata, kolam ternakan keli di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah itu wajar dikenakan tindakan kerana menjadi punca pencemaran air di sungai utama negeri ini pada Februari tahun lalu.

"Kolam berkenaan didapati cuai



Norhizam (kanan) menunjukkan laporan pencemaran sungai disebabkan kolam ternakan ikan keli yang bertaku tahun lalu. (Foto Amir Mamat/BH)

melepaskan sisa darah ayam, telur busuk dan air kolam keli, sekali gus menyebabkan ikan asal sungai mati serta membuatkan air sungai berbau busuk sehingga pekan Masjid Tanah.

"Saya sudah melawat kolam berkenaan tahun lalu dan mendapati penternak menggunakan darah ayam, telur membelang dan bangkai ayam untuk menternak keli. Keadaan di situ sangat busuk dan tindakan pengusahanya sangat tidak bertanggungjawab," katanya pada sidang media di pejabatnya, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri, Faizah Abdul Rahman.

Norhizam berkata, pengusaha terbabit juga didapati melepaskan air tidak dirawat ke sungai, menyebabkan ribuan ikan mati selain masalah bau busuk kepada penduduk sekitar, sekali gus menyahuti undang-undang mengikut Seksyen 39(a), Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014.

"Justeru, syarikat itu dikenakan kompaun RM12,000 semalam (kelmarin) bagi kesalahan pertama dan jika melakukan kesalahan



Gambar fail kolam ternakan ikan keli di Kuala Sungai Baru yang menjadi punca pencemaran sungai di Masjid Tanah.

berulang, jumlah kompaun maksimum akan dikenakan, iaitu RM125,000 atau RMI,000 setiap hari," katanya.

Sehubungan itu, beliau memberi peringatan kepada semua penternak dan petani di negeri ini supaya mematuhi peraturan dan tidak menyebabkan pencemaran terhadap sumber air negeri.

Februari tahun lalu, media melaporkan penduduk sekitar Pekan Masjid Tanah terpaksa menahan bau busuk selama hampir tiga hari bertukutan pencemaran sungai yang disebabkan

kan oleh sebuah kolam ternakan ikan keli.

Pengusaha kolam berkenaan didakwa menggunakan darah dan telur ayam busuk yang dipercayai diperolehi daripada sebuah kilang penyembelihan ayam sebagai makanan ikan sebelum melepaskan air kotor berkenaan ke saliran dan masuk ke sungai berhampiran.

Masalah itu bukan saja menimbulkan masalah bau busuk, malah turut menyebabkan ribuan ikan mati dan terapung di kawasan perit, longkang dan sungai di sekitar pekan berkenaan.

17/2/2021

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

S1



**SULAIMAN Md. Salleh (kiri) bersama anaknya bersiap untuk turun menangkap ikan di Pengkalan Nelayan Sungai Chengkeh, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI**

## Sungai cetek jejas tangkapan nelayan

**PONTIAN:** Kira-kira 60 nelayan dari pangkalan Sungai Chengkeh, Serkat di sini berdepan kesukaran melakukan aktiviti menyauk dan menjaring ikan disebabkan sungai di kawasan tersebut semakin cetek.

Merdeka mendakwa keadaan tersebut disebabkan aktiviti perindustrian di Tanjung Bin yang semakin pesat termasuk kerja-kerja penambakan bagi meluaskan kawasan projek berkenaan.

Seorang nelayan, Roslan Ismail, 57, berkata, Sungai Chengkeh kini tidak lagi dianggap sebagai 'syurga' kepada nelayan yang sebelum ini popular sebagai tempat golongan itu menjual udang.

Namun disebabkan pembuangan di kawasan tersebut, Ro-

slan berkata, mereka tidak boleh menjalankan aktiviti itu kerana sungai tersebut semakin hari semakin cetek dan hanya sebagai lajuan keluar masuk.

"Bagi mencari rezeki, kami terpaksa keluar ke kawasan sungai lebih dalam seperti ke Sungai Peradin, Sungai Belokok dan sebagainya," katanya semalam.

Tambah Roslan, hasil tangkapan udang pula berkurangan hanya sekitar sembilan ke 10 kilogram setiap kali turun dengan udang gred A dijual pada harga RM30 sekilogram manakala gred lain kurang daripada itu.

Sementara itu, Azhar Mohd. Diab, 49, berkata, walaupun nelayan kini berdepan ekosistem yang kurang sempurna disebab-

kan pembangunan, namun, mereka tiada pilihan lain.

Katanya, rata-rata mereka telah menjadikan aktiviti menjaring udang dan ikan sebagai satu sumber pendapatan utama untuk menyara keluarga kerana tiada pendapatan lain.

"Susah atau senang turun ke laut, anak-anak di rumah tetap perlu disediakan makanan, pakaian selain keperluan persekolahan walaupun hanya memperoleh pendapatan sekadar membeli keperluan harian," katanya.

Bagi Sulaiman Mohd. Salleh, 78, pula, dia akan terus mencari rezeki sebagai nelayan yang telah menjadi darah dagingnya sejak berusia belasan tahun dengan dibantu anak lelakinya.